



RHB BANK BERHAD
Registration No. 196501000373 (6171-M)

FOREIGN/DOMESTIC BILLS PURCHASED AGAINST LC

Date: _____
[to be filled by Relationship Manager]

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Foreign/ Domestic Bills Purchased Against LC Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)

1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

Under Foreign Bill Purchased Against LC (FBP-LC) and Domestic Bill Purchased Against LC (DBP-LC), the Bank will advance money to the beneficiary on presentation of complying documents and interest will be charged on the amount advanced until the Bank receives reimbursement from the issuing bank.

FBP-LC and DBP-LC are deemed to be with recourse; so if payment is ultimately not forthcoming from the issuing bank due to insolvency or political restriction, the Bank will claim repayment plus interest from the beneficiary. However, if the Bank has added its confirmation to the LC, then the advance will be on without recourse basis, provided the terms of the LC are complied with.

Whether the transaction is a foreign or domestic bill purchased will be determined by the underlying transaction i.e. export transaction is categorized as foreign bill purchased while local sales is classified as domestic bill purchased.

BRIEF TERMS & CONDITIONS

This facility is available to all qualified borrowers and there is no pre-set limit on the value of the LC. This facility is subject to approval by the bank on case to case basis and also subject to availability of issuing bank and country limit.

Beneficiary that is non-RHB Bank customer presenting the documents under LC issued by RHB is subject to the following conditions:

- A 5-day non-refundable interest shall be charged and deducted from proceeds.
- All proceeds should be disbursed only to the named LC beneficiary. Payment to third party is not allowed.

FBP-LC and DBP-LC will be considered settled by the customer upon receipt of the proceeds or reimbursement from the issuing bank. The Bank will use the proceeds received (usually net of payment charges) to liquidate the transaction.

For sight bill, customer must determine and inform the Bank of the tenure of financing required subject to a maximum of 30 days. Whereas, for usance bill customer shall be subject to usance period.

For foreign currency transactions, prepayment or early settlement before the maturity date may be allowed subject to customer bearing the break funding cost.

2. WHAT DO I GET FROM THIS PRODUCT?

You will be able to obtain advancement of funds based on compliant documents presented under Collection or against LC.

It helps to improve your cash flow to fund working capital requirements.

Opportunity to expand your business with the additional funds

3. WHAT ARE MY OBLIGATIONS?

Ensure you present documents in compliant with the terms and conditions of the LC.

Ensure there are sufficient of funds in the account and to authorize the bank to debit your account with us for all charges incurred.

4. WHAT IS THE CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED?

Processing FBP-LC / DBP-LC – 2.00pm

Foreign currency payment processing is subject to the respective

foreign currency cut-off processing time.

Processing / Payment via RENTAS – 12.00pm

Processing / Payment via IBG – 2.00pm

5. WHAT OTHER CHARGES DO I HAVE TO PAY?

a) Stamp Duties	
As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989)	
b) Disbursement Fee	
Not Applicable	
c) Processing Fees	
Interest Rate	<p>DBP-LC is priced at the prevailing BLR plus a standard margin of 2% for both sight and usance bills.</p> <p>FBP-LC is priced at the prevailing Effective Cost of Fund (ECOF) of the respective foreign currency plus a standard margin of 2%.</p> <p>Interest shall be computed from the financing date until reimbursement is received for sight bill. Whereas for usance bill, customers will be advanced the discounted proceeds where the interest is payable upfront.</p> <p>Interest shall be computed from the financing date until reimbursement is received :-</p> <p>Interest charged (for sight bills) =</p> $\frac{P \times (\text{BLR} / \text{ECOF} + 2\%) \times t}{360/365}$ <p>For non-customer for sight bills and usance bills for borrowing customer / non-borrowing customer, customers will be advanced the discounted proceeds and shall be computed as follows :-</p> <p>Discounted proceeds =</p> $P \left[1 - \frac{(\text{BLR} / \text{ECOF} + 2\%) \times t}{360/365} \right]$ <p>where, P = Principal t = tenure</p>
Negotiation Commission	0.10% flat, Min RM50.00 Maximum RM100.00 for foreign currency Maximum RM500.00 for Ringgit Malaysia
Checking fee for documents under LC	RM25.00 per LC page, Max RM100.00
Handling (Service)	Payment – RM5.00



RHB BANK BERHAD
Registration No. 196501000373 (6171-M)

FOREIGN/DOMESTIC BILLS PURCHASED AGAINST LC

Date: _____
[to be filled by Relationship Manager]

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Foreign/ Domestic Bills Purchased Against LC Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)

Fee	Stamping – RM5.00		
Cost of Swift		Payment /Short (RM)	Long (RM)
	Local	10.00	25.00
	Singapore	25.00	35.00
	Asia	25.00	70.00
	Others	30.00	80.00
Cost of RENTAS	RM3.00		
Cost of Interbank GIRO (IBG)	RM2.00		
Postage/ Delivery Charges	<u>Local Party</u>		
	Normal mail	RM2.00	
	Registered mail	RM3.00	
	Courier / hand delivery	Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00	
	<u>Foreign Party</u>		
	Normal mail	RM3.00	
Registered mail	RM5.00		
Courier / hand delivery	Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00		
Services Tax (ST)	<p>If any service made under this FBP-LC/ DBP-LC is a taxable service to which the ST would apply, then the Bank reserves the right to levy ST at the prescribe rate and the recipient of the service agrees to pay the amount of ST.</p> <p>You shall bear all professional fees, taxes (including service tax or sales tax and/or applicable taxes that maybe imposed by the relevant authorities at any time and from time to time throughout the subsistence of the FBP-LC/ DBP-LC facility(ies)/ service(s), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of the FBP-LC/ DBP-LC facility(ies) / service(s).</p>		

Overdue interest of BLR + penalty (x%) shall be imposed on all overdue bills. The present penalty is BLR + 3.5% p.a. and shall be computed from the day the bill turns overdue until settlement.

Plus Overdue Bill Penalty fee – RM100.00.

7. WHAT IF I FULLY SETTLE THE LOAN DURING THE LOCK-IN PERIOD?

Not Applicable.

8. DO I NEED ANY INSURANCE COVERAGE?

No insurance coverage is required for the advance.

9. WHAT DO I NEED TO DO IF THERE ARE CHANGES TO MY CONTACT DETAILS?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

10. WHERE CAN I GET ASSISTANCE AND REDRESS?

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives. You may contact your **RHB Account Relationship Manager** or send an e-mail to us trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447.

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766
Laman web : <https://services.akpk.org.my/>

If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may e-mail us at trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447.

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

OR

Ombudsman for Financial Services (OFS)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telephone: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: <http://www.ofs.org.my>

6. WHAT IF I FAIL TO FULFIL MY OBLIGATIONS?

The transaction will be converted to overdue upon the following:

- in the event proceeds are not received on the maturity date (for usance bills) or at the end of 30 days from date of financing (for sight bills);
- upon receipt of notification that bill has been rejected, whichever is earlier.

For FBP-LC, all overdue bills will be converted to MYR denominated loan at the prevailing counter selling rate.

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Foreign/ Domestic Bills Purchased Against LC Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)



RHB BANK BERHAD
Registration No. 196501000373 (6171-M)

FOREIGN/DOMESTIC BILLS PURCHASED AGAINST LC

Date: _____
[to be filled by Relationship Manager]

11. WHERE CAN I GET FURTHER INFORMATION?

Should you require any further information on our products, please visit nearest RHB Trade Finance Centre or log on to www.rhbgroup.com for more information.

12. OTHER TRADE SERVICES OR FINANCING AVAILABLE

We also provide an array of other transaction banking products, which may be able to suit your other needs. Kindly visit <http://www.rhbgroup.com> for further information.

"IMPORTANT NOTE: IF YOU DO NOT KEEP UP WITH THE REPAYMENT OF YOUR FACILITIES, LEGAL ACTION MAY ALSO BE TAKEN AGAINST YOU"

The information provided in this disclosure sheet is valid from March 2022 and is subject to change at the Bank's discretion from time to time with prior notification

The information in this Product Disclosure Sheet is given on a general basis without obligation and is strictly for information only. The information contained in this document are based on certain assumptions and information available as at the date of this document, all of which are accordingly subject to change at any time with notice. This document may be translated into a language other than English. The English version of this Product Disclosure Sheet shall prevail in case of any inconsistencies with Bahasa Malaysia version

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembelian Bil Asing/Dalam Negeri Dengan LC. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)



RHB BANK BERHAD

No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)

PEMBELIAN BIL ASING/DALAM NEGERI DENGAN SURAT KREDIT (PERUNDINGAN LC)

Tarikh: _____
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

1. APAKAH PRODUK INI?

Di bawah Pembelian Bil Asing Dengan Surat Kredit (FBP-LC) dan Pembelian Bil Dalam Negeri Dengan Surat Kredit (DBP-LC), yang juga dikenali sebagai Perundingan LC atau Pendiskauan LC, pihak Bank akan mendahulukan wang kepada benefisiari (pengekspor/penjual) apabila dokumen yang patuh dikemukakan, dan faedah akan dikenakan ke atas amaun yang didahulukan sehingga Bank menerima bayaran balik daripada bank pengeluar.

FBP-LC dan DBP-LC disifatkan sebagai boleh dakwa (*with recourse*); jadi jika bayaran akhirnya tidak diterima daripada bank pengeluar disebabkan oleh ketakmampuan bayar atau pembatasan politik, pihak Bank akan menuntut bayaran balik serta faedah daripada benefisiari.

Sama ada transaksi merupakan pembelian bil asing atau bil dalam negeri akan ditentukan oleh transaksi dasar dan dikategorikan seperti berikut;

- FBP-LC untuk transaksi berkaitan perdagangan tempatan / eksport dan pembayaran balik hendaklah dibuat dalam mata wang asing; dan
- DBP-LC untuk transaksi berkaitan perdagangan tempatan / eksport dan pembayaran balik hendaklah dibuat dalam mata wang Ringgit.

TERMA & SYARAT RINGKAS

Kemudahan ini tersedia untuk semua pelanggan yang layak dan tiada had yang ditetapkan terdahulu untuk nilai LC. Kemudahan ini adalah tertakluk pada kelulusan pihak bank secara berasingan berdasarkan setiap kes tertentu dan juga tertakluk pada ketersediaan bank pengeluar dan had negara berkenaan.

Benefisiari bukan pelanggan Bank yang mengemukakan dokumen di bawah LC yang dikeluarkan oleh Bank adalah tertakluk pada syarat berikut:

- Faedah 5 hari yang tidak boleh dibayar balik (dikira mengikut kadar faedah di bawah item 5b) akan dikenakan dan dipotong daripada hasil penerimaan.
- Semua hasil penerimaan seharusnya hanya dibayar kepada benefisiari LC yang dinamakan. Pembayaran kepada pihak ketiga tidak dibenarkan.

FBP-LC dan DBP-LC akan dianggap sebagai telah dijelaskan oleh pelanggan apabila hasil penerimaan atau bayaran balik diterima daripada bank pengeluar. Pihak Bank akan menggunakan hasil penerimaan yang diterima (biasanya hasil penerimaan bersih setelah dipotong caj pembayaran) untuk mencairkan transaksi.

Bagi bil tampak (*sight bill*) (untuk pelanggan peminjam/bukan peminjam sahaja), pelanggan mesti menentukan dan memberitahu pihak Bank mengenai tempoh pembiayaan yang diperlukan, tertakluk pada tempoh maksimum selama 30 hari. Sedangkan untuk bil usans (*usance bill*), tempoh pembiayaan adalah tertakluk pada tempoh usans.

Untuk transaksi mata wang asing, prapembayaran atau penyelesaian awal sebelum tarikh matang mungkin dibenarkan, dengan syarat bahawa pelanggan menanggung kos pecahan dana.

Jika dikenakan, kos pecahan dana hendaklah dikira seperti berikut;

$$\frac{E \times B\% \times r}{360 \text{ atau } 365^*}$$

iaitu,

E = amaun prapembayaran

B = perbezaan antara kos dana pada tarikh pendahuluan dan kadar pecahan dana semasa pada tarikh penyelesaian awal

r = tempoh selebihnya dari tarikh penyelesaian awal sehingga tarikh matang

* Catatan: Pengiraan berdasarkan 360 atau 365 hari hendaklah bergantung pada mata wang pembiayaan

2. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?

Anda akan dapat memperoleh dana pendahuluan berdasarkan dokumen patuh yang dikemukakan di bawah LC.

Perkara ini meningkatkan aliran tunai anda untuk membiayai keperluan modal kerja.

Peluang untuk mengembangkan perniagaan anda dengan dana tambahan.

3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Anda dikehendaki supaya:

- memastikan bahawa anda mengemukakan dokumen yang mematuhi terma dan syarat LC.
- memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun, dan membenarkan pihak bank untuk mendebitkan semua caj yang ditanggung, daripada akaun anda dengan kami.
- memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun, dan membenarkan pihak bank untuk mendebitkan amaun pokok daripada akaun anda dengan kami, sekiranya bayaran tidak diterima daripada Bank Pengeluar pada kematangan bil atau apabila diterimanya pemberitahuan bahawa bil telah ditolak oleh Bank Pengeluar LC, yang mana lebih awal.

4. BILAKAH WAKTU TERAKHIR UNTUK MEMPROSES TRANSAKSI?

Pemprosesan FBP-LC / DBP-LC – pukul 2.00 petang

Pemprosesan pembayaran dalam mata wang asing adalah tertakluk pada waktu terakhir pemprosesan mata wang asing yang berkenaan.

Pemprosesan / Pembayaran melalui RENTAS – pukul 12.00 tengah hari

Pemprosesan / Pembayaran melalui IBG – pukul 2.00 petang

5. APAKAH CAJ LAIN YANG PERLU SAYA BAYAR?

a) Duti Setem

Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak - 1989)

b) Fi Pemprosesan

Kadar Faedah

DBP-LC dikira pada Kadar Pinjaman Asas (BLR) semasa, tambah margin standard sebanyak 2% untuk kedua-dua bil tampak dan bil usans.

FBP-LC dikira pada kadar Kos Dana Efektif (ECOF) semasa bagi mata wang asing berkenaan, tambah margin standard sebanyak 2% untuk kedua-dua bil tampak dan bil usans.

Bagi bil tampak (untuk pelanggan peminjam/bukan peminjam)

Faedah akan dikira dari tarikh pembiayaan sehingga bayaran balik diterima.

Faedah yang dikenakan =

$$\frac{P \times (BLR \text{ atau } ECOF + 2\%) \times t}{360 \text{ atau } 365^*}$$

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembelian Bil Asing/Dalam Negeri Dengan LC. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)



RHB BANK BERHAD
No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)

PEMBELIAN BIL ASING/DALAM NEGERI DENGAN SURAT KREDIT (PERUNDINGAN LC)

Tarikh: _____
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

	<p>Bagi bil usans (untuk pelanggan peminjam/bukan peminjam) dan bagi bil tampak/usans (untuk bukan pelanggan)</p> <p>Faedah perlu dibayar terlebih dahulu.</p> <p>Pendahuluan bagi hasil penerimaan terdiskaun hendaklah dikira seperti berikut: -</p> <p>Hasil penerimaan terdiskaun =</p> $P \left[1 - \frac{(BLR \text{ atau } ECOF + 2\%) \times t}{360 \text{ atau } 365} \right]$ <p>iaitu, P = Amaun Pokok t = tempoh</p> <p><i>* Catatan: Pengiraan berdasarkan 360 atau 365 hari hendaklah bergantung pada mata wang pembiayaan</i></p>															
Komisen Perundingan	0.10% kadar sama rata, Minimum RM50.00 Maksimum RM100.00 untuk mata wang asing Maksimum RM500.00 untuk Ringgit Malaysia															
Fi penyemakan untuk dokumen di bawah LC	RM25.00 untuk setiap muka surat LC, Maksimum RM100.00															
Fi Pembayaran	<p>Untuk pelanggan bukan peminjam/bukan pelanggan USD50.00 mengikut mata wang bil atau nilai yang sama dengannya</p> <p><i>Catatan: Pelanggan bukan peminjam ditakrifkan sebagai pelanggan yang mengekalkan akaun dengan RHB Bank tetapi tidak diberi apa-apa kemudahan (perdagangan atau kredit).</i></p>															
Fi (Perkhidmatan) Pengendalian	<p>Untuk pembayaran – RM5.00</p> <p>Untuk menerakan setem pada dokumen – RM5.00</p> <p>Bayaran pos (tempatan & luar negeri) – RM5.00</p>															
Kos SWIFT	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Pembayaran / Mesej Ringkas (RM)</th> <th>Mesej Panjang (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tempatan</td> <td>10.00</td> <td>25.00</td> </tr> <tr> <td>Singapura</td> <td>25.00</td> <td>35.00</td> </tr> <tr> <td>Asia</td> <td>25.00</td> <td>70.00</td> </tr> <tr> <td>Lain-lain</td> <td>30.00</td> <td>80.00</td> </tr> </tbody> </table>		Pembayaran / Mesej Ringkas (RM)	Mesej Panjang (RM)	Tempatan	10.00	25.00	Singapura	25.00	35.00	Asia	25.00	70.00	Lain-lain	30.00	80.00
	Pembayaran / Mesej Ringkas (RM)	Mesej Panjang (RM)														
Tempatan	10.00	25.00														
Singapura	25.00	35.00														
Asia	25.00	70.00														
Lain-lain	30.00	80.00														
Pengesan/Peringatan	RM5.00 bagi setiap peringatan															
Kos RENTAS	RM3.00															
Kos Interbank GIRO (IBG)	RM2.00															
Caj Pos/Penghantaran																
Tempatan																
Surat biasa	RM2.00															

Surat berdaftar	RM3.00
Kurier / serahan tangan	Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00
Luar Negeri	
Surat biasa	RM3.00
Surat berdaftar	RM5.00
Kurier / serahan tangan	Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00
Cukai Perkhidmatan (ST)	<p>Jika apa-apa perkhidmatan yang diberikan di bawah FBP/DBP-LC ini merupakan perkhidmatan bercukai yang ke atasnya ST akan dikenakan, maka pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan ST pada kadar yang ditetapkan dan penerima perkhidmatan bersetuju untuk membayar jumlah ST itu.</p> <p>Anda hendaklah menanggung semua fi profesional dan cukai (termasuk cukai perkhidmatan atau cukai jualan dan/atau cukai berkeajaan yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kemudahan / perkhidmatan FBP/DBP-LC, dan perbelanjaan sendiri yang ditanggung dan sebarang fi atau perbelanjaan lain atau tindakan sewajarnya berkeajaan dengan kemudahan / perkhidmatan FBP/DBP-LC.</p>

6. BAGAIMANA JIKA SAYA GAGAL UNTUK MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

- Transaksi akan ditukar menjadi lampau tempoh apabila berlakunya perkara berikut:
- untuk pelanggan peminjam / pelanggan bukan peminjam, sekiranya hasil penerimaan tidak diterima pada tarikh matang (bagi bil usans) atau pada akhir tempoh 30 hari dari tarikh pembiayaan (bagi bil tampak);
 - untuk bukan pelanggan, sekiranya hasil penerimaan tidak diterima pada akhir tarikh matang (bagi bil usans) atau pada akhir tempoh 7 hari untuk bil tempatan atau 14 hari untuk bil asing dari tarikh pembiayaan (bagi bil tampak); atau
 - apabila diterimanya pemberitahuan bahawa bil telah ditolak, yang mana lebih awal.

Bagi FBP-LC, semua bil lampau tempoh akan ditukar menjadi pinjaman dalam mata wang RM pada kadar semasa jualan di kaunter.

Faedah lampau tempoh sebanyak BLR + penalti (x%) akan dikenakan ke atas semua bil lampau tempoh. Kadar penalti semasa ialah BLR + 3.5% setahun dan hendaklah dikira dari hari bil menjadi lampau tempoh sehingga penyelesaian pembayaran.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, akan terdapat fi Penalti Bil Lampau Tempoh sebanyak RM100.

7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN SEMUA BAKI BAYARAN PENDAHULUAN SEMASA TEMPOH TERTUTUP?

Tidak Berkeajaan.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembelian Bil Asing/Dalam Negeri Dengan LC. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)



RHB BANK BERHAD
No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)

PEMBELIAN BIL ASING/DALAM NEGERI DENGAN SURAT KREDIT (PERUNDINGAN LC)

Tarikh: _____
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN APA-APA PERLINDUNGAN INSURANS?

Tidak Berkenaan.

9. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT APA-APA PERUBAHAN KEPADA MAKLUMAT PERHUBUNGAN SAYA?

Penting bahawa anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda patut menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi **Pengurus Perhubungan Akaun RHB** anda atau menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk para individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766
Laman web : <https://services.akpk.org.my/>

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan

yang disediakan oleh kami, anda boleh menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak mendapat penjelasan atau penyelesaian yang memuaskan daripada kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmteletelink@bnm.gov.my

ATAU

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:
Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman web: <http://www.ofs.org.my>

11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai produk kami, sila kunjungi Pusat Pembiayaan Perdagangan RHB (*RHB Trade Finance Centre*) yang terdekat atau log masuk ke laman www.rhbgroup.com untuk mendapatkan maklumat tambahan.

12. PERKHIDMATAN ATAU PEMBIAYAAN PERDAGANGAN LAIN YANG TERSEDIA

Kami juga menyediakan pelbagai produk perbankan transaksi, yang mungkin dapat memenuhi keperluan anda yang lain. Sila lawati laman <http://www.rhbgroup.com> untuk mendapatkan maklumat lanjut.

CATATAN PENTING: JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BALIK BAGI KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA ANDA, TINDAKAN UNDANG-UNDANG JUGA BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah dari Mac 2022 dan adalah tertakluk pada perubahan mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan terdahulu

Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara am tanpa tanggungjawab, dan adalah semata-mata untuk maklumat anda. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah berdasarkan andaian tertentu dan maklumat yang boleh didapati seperti pada tarikh dokumen ini, dan oleh demikian, kesemuanya adalah tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa dengan notis. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam sesuatu bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Versi Bahasa Inggeris Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah mengatasi versi bahasa lain sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten.